

16 SEP 2003

Mahathir-WTO/I

WTO PERLU DENGAR SUARA NEGARA MISKIN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) perlu mengambil kira pandangan negara-negara membangun serta miskin apabila membuat keputusan tentang perkara dasar, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"WTO perlu juga mendengar masalah negara-negara miskin dan bukannya menerima bulat-bulat pandangan negara-negara kaya," katanya kepada pemberita selepas majlis penutupan Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda Islam di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas tentang kegagalan rundingan antara negara-negara membangun dan maju pada persidangan WTO di Cancun, Mexico hujung minggu lepas.

"Anda boleh lihat dengan jelas bahawa semua negara miskin menentang (empat resolusi baru WTO yang ingin diperolehi oleh negara-negara maju) tetapi disokong sepenuhnya oleh negara-negara maju kerana ia akan memanfaatkan mereka," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata ada negara maju menyatakan bahawa empat resolusi itu akan membawa manfaat kepada negara-negara membangun "tetapi kita tidak tahu bagaimana ia akan memanfaatkan kita jika mereka yang mendominasi ekonomi kita".

Beliau berkata memandangkan Malaysia serta beberapa negara membangun lain seperti India dan Brazil menyuarakan tentangan terhadap resolusi-resolusi itu, negara ini akan dijadikan mangsa.

"Daripada segi pelaburan sejak bertahun-tahun, kita membenarkan kemasukan pelabur asing...apa lagi yang mereka harapkan dari kita. Mereka akan mengugut kita, tidak benarkan kita bersuara, kita tidak dapat menyuarakan apa-apa kerana akan dianggap sebagai pesalah, penghalang dan dengan itu tidak harus bersuara. Jika sesiapa pun tidak dibenarkan bersuara, maka rancangan negara-negara kaya akan terlaksana," katanya.

Beliau berkata Malaysia, bersama-sama India dan Brazil serta beberapa negara lain, akan diancam dengan sekatan atau "kesukaran mendapat bantuan atau dipaksa membayar balik pinjaman."

Katanya, Malaysia tidak bersetuju dengan resolusi-resolusi itu kerana "mereka mahu membangkitkan perkara-perkara lain sedangkan perkara awal yang dibincang dan perlu dilaksanakan masih belum terlaksana".

"Oleh itu kita tidak dapat membincangkan perkara-perkara baru apabila hasil daripada perjanjian-perjanjian WTO sebelum ini, belum dilihat," katanya.

-- BERNAMA

SR JM AO MOZ